



PARLIMEN MALAYSIA

A large, semi-transparent image of the Parliament building in Kuala Lumpur serves as the background for the central text area. The building is a tall, modern structure with a grid-like facade. A large, faint watermark of the Parliament of Malaysia logo is overlaid on the building.

RANG UNDANG-UNDANG
Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980
DR.1/1980

Naskah sah—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952.

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut :

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Dadah Berbahaya (Pindaan) 1980.

Tajuk ringkas.

2. Seksyen 2 Ordinan Dadah Berbahaya 1952, yang dalam Akta ini disebut "Ordinan itu", adalah dipinda dengan—

Pindaan bagi seksyen 2. 30/52.

(a) menggantikan takrif "cannabis" dengan yang berikut :

"cannabis" (except in the expression "cannabis resin") means any plant of the genus *Cannabis* or any part of any such plant (by whatever name designated) but does not include cannabis resin or any of the following products after separation from the rest of the plant, namely—

(a) mature stalk of any such plant;

(b) fibre produced from mature stalk of any such plant; and

(c) seed of any such plant;";

(b) memasukkan selepas sahaja takrif "drug dependant" takrif baru yang berikut:

"Drug Enforcement Officer" means a Drug Enforcement Officer appointed under section 3 of this Ordinance;"; dan

(c) memotong takrif "Inspector".

Pindaan
bagi
seksyen 3.

3. Seksyen 3 Ordinan itu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan-perkataan "Inspectors of Dangerous Drugs and Poisons" dan perkataan "Inspectors" dalam nota bidai dengan perkataan-perkataan "Drug Enforcement Officers".

Pindaan
bagi
seksyen 27.

4. Seksyen 27 Ordinan itu adalah dipinda dengan—

(a) memasukkan perkataan-perkataan "or to any Drug Enforcement Officer" selepas sahaja perkataan-perkataan "officer of customs" dalam seksyen-kecil (1);

(b) memasukkan perkataan-perkataan "where the officer is a police officer or an officer of customs," sebelum perkataan-perkataan "to arrest" dalam perenggan (b) seksyen-kecil (1);

(c) menggantikan perkataan "Inspector" dalam seksyen-kecil (3) dengan perkataan-perkataan "Drug Enforcement Officer";

(d) memasukkan perkataan-perkataan "or to any Drug Enforcement Officer" selepas sahaja perkataan-perkataan "senior officer of customs" dalam seksyen-kecil (4); dan

(e) memasukkan perkataan-perkataan " , except, in the case of a Drug Enforcement Officer, the power of arrest," di antara perkataan-perkataan "of this section" yang terdapat kemudiannya dan perkataan-perkataan "in as full and ample a manner" dalam seksyen-kecil (4).

5. Tiap-tiap orang yang, sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini, adalah seorang "Inspector of Dangerous Drugs and Poisons" yang dilantik di bawah seksyen 3 Ordinan itu hendaklah, mulai dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan sebagai seorang "Drug Enforcement Officer" yang dilantik di bawah seksyen tersebut sebagaimana dipinda oleh seksyen 3 Akta ini.

Pegawai-pegawai terus memegang jawatan.

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan untuk meminda Ordinan Dadah Berbahaya 1952 bagi—

- (a) mentakrifkan semula perkataan "cannabis" (*fasal 2 (a)*);
- (b) menggantikan nama "Drug Enforcement Officer" bagi nama "Inspector of Dangerous Drugs and Poisons" yang digunakan sekarang bagi seseorang yang dilantik di bawah seksyen 3 Ordinan itu (*fasal-fasal 2 (b) (c), 3 dan 5*); dan
- (c) memberikuasa kepada orang-orang demikian menjalankan, sama ada dengan waran atau tanpa waran, kuasa-kuasa memasuki, menggeledah, menyita dan menahan di bawah seksyen 27 yang pada masa ini hanya boleh dijalankan oleh pegawai-pegawai polis dan kastam sahaja (*fasal 4*).

2. Takrif "cannabis" yang sedia ada ialah seperti berikut:

“cannabis” (except where used in the expression “cannabis resin”) means the flowering or fruiting tops of any plant of the genus cannabis from which the resin has not been extracted, by whatever name they may be designated.’

Dalam kes Inggeris *R v Goodchild* [1977] 2 All E.R. 163, yang melibatkan tafsiran suatu takrif yang sama dalam Akta Inggeris bernama "Misuse of Drugs Act 1971", sabitan orang yang dituduh bagi kesalahan-kesalahan yang melibatkan pemilikan cannabis telah dibatalkan oleh Mahkamah Rayuan kerana tidak dapat dibuktikan bahawa bahan cannabis yang berkenaan berasal dari bahagian pokok cannabis yang diperihalkan sebagai "the flowering or fruiting tops". Kes itu juga menunjukkan bahawa daun-daun cannabis, yang diketahui mengandungi bahan psycho-active pokok cannabis dan biasanya dihisap, adalah tidak termasuk dalam takrif itu.

3. Berikutan dari kes *Goodchild* itu, perkataan "cannabis" dalam Akta Inggeris itu telah ditakrif semula. Takrif dalam fasal 2 (a) Akta ini adalah mengikut takrif Inggeris itu. Mengikut takrif baru itu, mana-mana bahagian pokok cannabis, selain daripada bahagian-bahagian yang dikecualikan dengan khususnya, akan termasuk dalam erti perkataan "cannabis". Maka takrif baru itu menghapuskan keperluan membuktikan bahawa sesuatu bahan cannabis itu berasal dari sesuatu bahagian tertentu pokok cannabis dan meliputi daun-daun.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 907.]